



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

AKHLAK MULIA PELINDUNG REMAJA

Tarikh Dibaca:

**7 November 2025
16 Jamadilawal 1447H**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**AKHLAK MULIA PELINDUNG REMAJA****7 November 2025 / 16 JAMADIL AWWAL 1447H**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا

مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾﴾

[التحريم 6]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbaharui takwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Takwa yang bukan hanya di bibir, tetapi yang membimbing hati dan tingkah laku. Dengan takwa, hidup menjadi terarah; tanpa takwa, hati menjadi gelap dan mudah dipengaruhi hawa nafsu. Kita hidup di zaman yang penuh ujian terhadap jiwa anak muda. Musuh akhlak tidak lagi datang dengan pedang, tetapi dengan skrin di tangan. Mereka diserang bukan oleh tentera, tetapi oleh gelombang maklumat dan hiburan tanpa sempadan. Dalam satu hari, ribuan mesej, gambar dan video menembusi hati dan

membentuk nilai mereka sebelum kita sempat menegur. Inilah realiti zaman kita. Dunia berubah begitu cepat, tetapi nilai sedang pudar perlahan. Maka khutbah hari ini menyeru seluruh jemaah kepada tema yang amat penting iaitu: **“AKHLAK MULIA PELINDUNG REMAJA”**.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Usia remaja adalah fasa yang menentukan arah hidup seseorang. Ia tempoh di mana nafsu membara, semangat tinggi, dan identiti sedang dibentuk. Dalam fasa inilah mereka belajar mengenal benar dan salah, membina prinsip, dan mencari erti diri. Jika remaja kuat akhlaknya, mereka akan menjadi pemimpin yang membawa kebaikan. Tetapi jika mereka hilang nilai, mereka akan menjadi generasi yang mudah dipengaruhi hawa nafsu. Kerana itu, Rasulullah SAW memberi perhatian besar kepada generasi muda. Baginda tidak menghukum mereka dengan kasar, tetapi mendidik dengan kasih dan hikmah.

Pada ayat yang dibacakan khatib di awal tadi, Allah SWT berfirman dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”*.

Ayat ini bukan hanya perintah kepada ibu bapa, tetapi juga kepada seluruh masyarakat. Kita semua bertanggungjawab menjaga dan membina akhlak generasi muda agar mereka tidak hanyut dalam arus dunia tanpa pedoman. Jika kita gagal mendidik hari ini, maka esok kita akan menangis melihat generasi yang hilang malu, hilang hormat, dan hilang Tuhan.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Sehingga hari ini, laporan dari Institut Penyelidikan Pembangunan Belia, terdapat lebih 9.5 juta remaja berumur 15 hingga 30 tahun membawa kepada jumlah hampir 28% daripada keseluruhan penduduk negara. Mereka bukan sekadar angka dalam laporan, tetapi amanah besar yang akan menentukan masa depan agama dan bangsa. Namun, agak membimbangkan apabila statistik Kementerian Pendidikan menunjukkan sebanyak

7,681 kes direkodkan pada tahun 2024 berbanding 3,883 kes pada tahun 2022. Hampir 70 peratus kes buli berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Itu belum termasuk gejala lain seperti ponteng, pergaulan bebas, penyalahgunaan media sosial, dan keruntuhan moral yang tersembunyi di sebalik skrin telefon. Justeru hadirin sekalian, ini bukan sekadar masalah disiplin, yang kita bimbangkan ini adalah tanda ada hati yang sedang sakit, dan iman yang sedang melemah. Kita tidak boleh menuding jari semata-mata kepada remaja, kerana mereka tidak lahir dalam kekosongan. Kitalah masyarakat yang membentuk persekitaran mereka dengan contoh, dengan teladan, atau dengan kelalaian kita sendiri.

Sidang Jumaat yang dimulikan,

Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad;

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".*

Akhlak mulia bukan hanya tentang sopan santun, tetapi tentang kekuatan jiwa keberanian menolak yang salah dan istiqamah melakukan yang benar. Marah bukan tanda benci, tetapi tanda sayang. Mendidik bukan menghukum, tetapi menyelamatkan. Ibu bapa, guru, dan masyarakat perlu bersatu hati membimbing anak-anak dengan kasih sayang yang berakar daripada iman. Jangan membiarkan dunia mendidik mereka dengan hawa nafsu, sementara kita diam tanpa tindakan.

Akhlak itu ibarat perisai di medan tempur. Tanpa perisai, seorang tentera akan tewas walaupun senjatanya tajam. Tetapi jika akhlaknya teguh, iman akan memandunya walau di tengah gelombang dunia yang menggoda. Rasulullah SAW pernah menasihati Abdullah bin Abbas RA dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi yang berbunyi:

احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ

Maksudnya: *"Peliharalah Allah (yakni perintah-Nya), nescaya Allah akan memeliharamu".*

Itulah rahsia kejayaan, bukan harta, bukan populariti, tetapi hubungan yang kuat dengan Allah SWT. Apabila remaja menjaga hubungannya dengan Allah, Allah akan menjaga maruah, masa depan dan ketenangan jiwanya.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Remaja hari ini perlu dibimbing dengan bimbingan yang ikhlas dan contoh yang nyata. Mereka tidak akan berubah dengan teguran yang menjatuhkan, tetapi dengan perhatian dan kasih sayang yang membina keyakinan. Ibu bapa perlu menunjukkan teladan dalam solat, akhlak dan cara berkomunikasi dengan anak-anak. Rumah yang dipenuhi dengan doa, zikir dan kasih akan melahirkan anak yang tenang dan hormat. Guru pula perlu mendidik dengan jiwa, bukan sekadar mengajar untuk markah. Ilmu yang disampaikan dengan kasih akan kekal dalam hati murid. Dan masyarakat seluruhnya perlu mewujudkan suasana yang menyokong nilai baik termasuklah menegur dengan sopan, membantu dengan hormat, dan mengelak daripada menyebarkan keaiban.

Cintailah ilmu dengan sepenuh hati! Jangan sekali-kali kita jemu menuntut dan membaca! Gunakanlah segala ilmu yang ada untuk kebaikan umat dan pembangunan ummah! Dan yang paling utama, warisilah semangat keilmuan Islam yang membina tamadun-tamadun yang memimpin dunia dengan cahaya wahyu, bukan tamadun palsu yang hanya gah di mata tetapi kosong daripada nilai dan kebenaran!

Sempena Festival Idea Putrajaya anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi yang sedang berlangsung pada 4 hingga 8 November 2025 bertempat di PICC, pelbagai program keilmuan telah disusun dan dilaksanakan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Festival ini bertujuan memperkenalkan kearifan dan kepakaran tempatan melalui institusi pendidikan tinggi dan jalinan kerjasama dengan kementerian, jabatan dan agensi melalui program perkongsian keilmuan, persidangan dan pameran inovasi terkini bagi mengatasi cabaran dan isu semasa ke arah kemampanan Malaysia MADANI. Antara program-program yang dianjurkan menerusi Festival Idea Putrajaya adalah Titah Diraja, forum berkaitan pendidikan dan kepimpinan, **Pameran Kecerdasan Buatan (AI)** dan pelbagai aktiviti lagi.

Oleh itu, marilah bersama-sama kita merebut peluang yang ada di PICC pada hari ini dan esok serta menyertai program-program pendidikan yang dianjurkan di mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi yang berhampiran, kerana ini adalah peluang yang sangat berharga untuk kita memperkayakan diri dengan ilmu dalam pelbagai bidang. Semoga ia menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk terus giat berusaha mencari ilmu dan menambahkan pengetahuan.

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita renungkan tiga perkara penting sebagai panduan kehidupan:

Pertama:

Akhlak ialah benteng iman dan pelindung maruah remaja. Tanpa akhlak, ilmu tidak membawa berkat dan kecerdikan tidak menjamin keselamatan.

Kedua:

Ibu bapa, guru dan masyarakat mesti berganding bahu membina remaja berjiwa takwa. Mendidik bukan tugas sekolah semata-mata, tetapi tanggungjawab ummah seluruhnya.

Ketiga:

Remaja Islam mesti bangkit menjadi contoh dengan menolak budaya maksiat, menolak pengaruh hedonisme, dan membina identiti diri yang berasaskan iman, ilmu dan amal.

Wahai anak muda, masa depan Islam ada di bahumu. Jika kamu menjaga akhlakmu, Allah akan menjaga masa depanmu. Dan wahai para ibu bapa, jangan pernah putus asa dalam doa. Kerana doa yang menitis dari hati yang ikhlas lebih kuat daripada seribu nasihat di dunia. Semoga Allah SWT mengurniakan kepada kita generasi muda yang mencintai ilmu, berakhlak mulia dan menjadi rahmat kepada masyarakat. Semoga setiap rumah menjadi madrasah, setiap ayah menjadi murabbi, dan setiap ibu menjadi cahaya yang menuntun anak menuju ke syurga.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-قُرتوان اكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ قُرماليسوري اكُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Kami memohon kepada-Mu, ya Allah, limpahkanlah ketenangan dan keyakinan kepada anak-anak kami yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Lapangkan dada mereka dengan cahaya ilmu dan bimbingan-Mu. Permudahkanlah setiap urusan mereka, terangilah hati mereka dengan kefahaman, dan ilhamkanlah jawapan yang benar dan tepat. Jadikanlah usaha mereka sebagai ibadah, dan keputusan mereka sebagai rezeki yang diberkati. Peliharalah mereka daripada rasa putus asa, jauhkanlah mereka daripada gangguan fikiran dan tekanan jiwa. Ya Allah, kurniakanlah kejayaan yang membawa mereka lebih hampir kepada-Mu kejayaan yang mengangkat maruah ibu bapa, guru, dan agama. Jadikanlah mereka generasi berilmu, berakhlak dan berbakti kepada ummah serta tanah air.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Gaza, Palestin. Berilah kekuatan buat mereka yang kini sedang membina semula sisa kehidupan mereka dari runtuh dan debu peperangan. Ya Allah, Engkaulah sebaik-baik Pelindung! Pulihkanlah bumi mereka yang hancur, sembuhkanlah mereka yang terluka, dan gantikanlah setiap titisan air mata mereka dengan senyuman yang Engkau redhai.

Ya Allah, Tuhan yang Maha Menguatkan! Tabahkanlah hati kami dalam menempuh gelombang ujian dunia yang kian mencabar ini. Jangan biarkan kami goyah ketika diuji dan jangan Kau palingkan hati kami setelah Kau beri petunjuk. Jadikanlah kami serta zuriat keturunan kami antara hamba-hamba-Mu yang tetap mendirikan solat dan berakhlak mulia. Lindungilah kami, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang, daripada kemurkaan-Mu dan segala bala bencana baik wabak penyakit yang berbahaya, kemarau yang memeritkan, banjir yang memusnahkan, gempa yang menggoncang, serta angin yang membinasakan. Peliharalah kami daripada kesesatan, kejahilan dan segala kejahatan, sama ada yang tampak mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiadalah daya dan kekuatan bagi kami melainkan dengan pertolongan dan rahmat-Mu jua, Engkaulah sebaik-baik pelindung dan seagung-agung penolong.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.